



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEGERA BUAT ADUAN KEPADA JABATAN PERIKANAN ATAU MARITIM MALAYSIA JIKA ADA PIHAK CEROBOKH PERAIRAN, APA KHABAR RAKYAT, SH-24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	AGROBANK TAWAR PERLINDUNGAN TAKAFUL SEMPENA HARI WANITA KEBANGSAAN, HM-ONLINE	AGROBANK
3.	AGROBANK INTRODUCES TAKAFUL PLAN WORTH RM10 MIL FOR WOMAN MICRO-AGROPRENUER, THE EDGE MARKETS.COM-ONLINE	
4.	NELAYAN MENGELUH, HASIL LAUT KIAN SUSUT, APA KHABAR RAKYAT,SH-24	LAIN-LAIN
5.	OUR CHICKENS ARE IMPORTED FROM "THAILAND", NATION,THE STAR-8	
6.	INDUSTRI MAKANAN JAMIN KESELAMATAN NEGARA, FORUM,UM-19	
7.	NELAYAN IBU TUNGGAL MAHU JADI JURUMUDI, NEGARA, KOSMO-17	
8.	BANJIR : PESAWAH RUGI LEBIH RM 20 JUTA, DALAM NEGERI, UM-12	
9.	BELAJAR DENGAN CHINA BASMI KEMISKINAN, RENCANA, UM-17	
10.	BAJA ORGANIK DARIPADA SISA MAKANAN, INFINITI, KOSMO-30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

9/3/2022

SINAR
HARIANAPA KHABAR
RAKYAT

24

Segera buat aduan kepada jabatan perikanan atau Maritim Malaysia jika ada pihak ceroboh perairan

KUANTAN - Nelayan di Pahang diminta tampil membuat aduan kepada Jabatan Perikanan Negeri atau Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) sekiranya terdapat pencerobohan bot nelayan pukat tunda Zon B di luar kawasan perairan dibenarkan.

Pengarah Perikanan Pahang, Abdullillah Jaafar berkata, nelayan maktumiat daripada segera membolehkan tindakan segera diambil terhadap bot pukat tunda yang didapati melanggar syarat lesen.

"Kita minta nelayan datang ke mana mana pejabat perikanan untuk membuat aduan atau menghubungi talian hotline jabatan



ABDULLAH

perikanan atau Maritim bagi membuat aduan pencerobohan bot pukat tunda.

"Kita akan segera menjejaki bot berdasarkan aduan, namun jika maklumat diberikan lebih terperinci itu lebih memudahkan pihak kita," katanya.

Beliau menjelaskan, setakat ini sebanyak 56 bot pukat tunda Zon B berdaftar di seluruh Pahang.

Katanya, daripada itu, lima bot pukat tunda berpangkalan di Kuantan, tujuh di Pekan manakala selebihnya di Rompin.

"Semua bot pukat tunda disyorkan menangkap ikan di kawasan melebihi lima batu nautika dari pantai dan jika mereka men-

jalankan tangkapan kurang daripada kawasan ditetapkan ia dianggap melanggar syarat lesen," ujarnya.

Menjawab mengenai cadangan pengharaman bot pukat tunda, Abdullillah berkata, apa sahaja dasar yang diputuskan oleh kerajaan akan dipatuhi sebaiknya.

Katanya, pengurangan peralatan pukat tunda sebenarnya mampu mengatasi isu kekurangan sumber perikanan.

Tambahnya, peralatan pukat tunda banyak merosakkan dasar laut memusnahkan habitat tempatan pembiakan, perlindungan ikan, kawasan terumbu karang dan akhirnya menjejaskan biodiversiti serta sumber perikanan.

"Disebabkan itu kita telah metjalankan pemuliharaan sumber melalui pembinaan dan usaha melabuhkan tukun tiruan termasuklah di perairan di Pahang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

AGROBANK TAWAR PERLINDUNGAN TAKAFUL SEMPENA HARI WANITA ANTARABANGSA

Bisnes HM

bisnes@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Agrobank memperkenalkan kempen istimewa dengan menawarkan perlindungan pakej takaful bernilai RM10 juta sempena Hari Wanita Antarabangsa 2022.

Ia bermatlamat untuk memperkasakan agropreneur wanita Agrobank, bagi kategori perniagaan mikro mengenai kepentingan penjagaan dan perlindungan diri, sementara memikul tanggungjawab terhadap keluarga mereka, dari aspek ekonomi dan sosial.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kempen itu yang dikenali sebagai Kempen Promosi AgroNita memberikan fokus kepada agropreneur mikro wanita yang mengusahakan perniagaan berasaskan makanan dan pertanian dan terkesan oleh pandemik Covid-19 serta impak pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) pada tahun 2022 dan 2021.

"Kebajikan agropreneur kami dan keluarga mereka adalah sama penting bagi kami. Keadaan ketika pandemik telah menjadi cabaran kepada usahawan untuk memastikan kemampuhan perniagaan mereka, terutamanya bagi agropreneur wanita di bawah kategori mikro.

"Selain perniagaan mereka, wanita juga bertanggungjawab memastikan urusan keluarga mereka dijaga dengan baik dalam apa jua situasi.

"Kami telah menyokong agropreneur wanita secara berterusan dalam pelbagai cara menerusi pelbagai produk dan inisiatif kami seperti AgroMumtaz dan Agro Farah-i yang dilancarkan Ketika tempoh pandemik pada 2020 dan 2021, dan pada tahun ini kami mengambil satu lagi langkah ke hadapan dengan menggalakkan mereka agar memberikan keutamaan kepada penjagaan diri dan perlindungan untuk orang yang tersayang," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kempen Promosi AgroNita adalah satu inisiatif Bank untuk mempamerkan penghargaan kepada pelanggan dengan menyediakan perlindungan takaful percuma selama setahun di bawah pelan Takaful Kasih Plus kepada 1,000 pelanggan wanita pertama daripada kategori mikro di Agrobank dengan jumlah tahunan bernilai RM10 juta (RM10,000 setiap seorang).

Kempen ini terbuka kepada usahawan mikro wanita yang menerima sebarang kemudahan pembiayaan di bawah portfolio kewangan mikro yang menggunakan dana khas daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI), Bank Negara Malaysia (BNM) atau mana-mana agensi kerajaan lain bagi tujuan pemulihan ekonomi.

Tempoh kempen bermula 1 Mac 2022 bagi 1,000 pelanggan wanita terawal yang juga usahawan mikro Agrobank. Tengku Ahmad Badli Shah berkata, kempen ini bertujuan untuk memperkasakan usahawan tani wanita daripada kategori mikro agar mampu berdikari dan menjadi wanita yang berjiwa kental dan pada masa sama mengambil berat mengenai kepentingan penjagaan dan perlindungan diri.

"Mandat kami adalah untuk mendidik pemilik perniagaan mikro dalam sektor pertanian, terutamanya golongan terpinggir dan kurang mendapat perhatian menerusi pelbagai produk dan perkhidmatan kami.

"Hari ini menerusi kempen ini, bersempena Hari Wanita Antarabangsa, kami mengambil peluang ini untuk menawarkan sesuatu yang akan memanfaatkan mereka serta keluarga untuk sepanjang hayat," katanya.

Disiarkan pada: Mac 8, 2022 @ 6:10pm

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/3/2022	THE EDGE MARKETS.COM	ONLINE	

AGROBANK INTRODUCES TAKAFUL PLAN WORTH RM10 MIL FOR WOMEN MICRO-AGROPRENEURS

Bernama

March 09, 2022 03:45 am +08



KUALA LUMPUR (March 8): Agrobank has launched a special campaign aimed at empowering women agropreneurs, offering takaful coverage worth RM10 million in conjunction with the International Women's Day 2022.

Agrobank president/chief executive officer Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said the Agronita Promotion Campaign focuses on women micro-agropreneurs who run food and agriculture-based businesses and were affected by the Covid-19 pandemic.

"The welfare of our agropreneurs and their families is equally important to us; the epidemic has been very challenging for entrepreneurs — especially women micro-agropreneurs -- in terms of ensuring the sustainability of their respective businesses," he said in a statement on Tuesday (March 8).

Under the campaign, 1,000 women micro-agropreneurs who are Agrobank customers will be offered free takaful coverage worth RM10,000 per person for a year under the Takaful Kasih Plus plan.

The campaign starts from March 1, 2022, and is open to women micro-entrepreneurs who are recipients of any financing facility under the microfinance portfolio which utilises special funds from the Ministry of Agriculture and Food Industry, Bank Negara Malaysia or other government agencies.

Those who wish for more information on the campaign may visit any Agrobank branch or log on to Agrobank's website www.agrobank.com.my or contact its customer service centre at 1300 88 2476.

Nelayan mengeluh, hasil laut kian susut

SEJAK beritahun lalu, nelayan di PANTAI BESERAH, KUANTAN PAHANG mengeluh apabila hasil laut semakin menyusut. Ini disebabkan oleh kewujudan bot nelayan pukat tunda Zon B yang turut beroperasi di kawasan nelayan pantai. Justeru, Kuli Kaporon MORAZWAN Yusoff yang menyekami masalah dan keluhan nelayan berbabit.

Nasib nelayan pantai tidak akan berubah selagi tiada penguatkuasaan kegiatan bot pukat tunda Zon B (komersial) yang mengancam dan menjejaskan pendapatan mereka.

Masalah itu yang berlarutan sejak sekian lama tidak pernah terhenti dan menjejaskan perikanan nelayan kerana kegiatan pukat tunda telah merosakkan habitat ikan.

Scorang nelayan pesiatram pantai, Aziz Razali, 52, mengemukakan mereka merosot lebih 50 peratus kerana ikan dan udang yang menjadi sumber penghidupan utama mereka telah berkurangan.

Dia yang sudah 35 tahun menjadi nelayan berkata, pengurangan hasil berpunca apabila tempat perlindungan dan pembibitan pelbagai spesies ikan seperti baba, urjan serta tuken telah dirosakkan apabila bot pukat tunda menjalarkan tangkapan



Nelayan pukat tunda pantai menjalarkan pukat yang rosak di Jeli nelayan Berserah.



Aziz Razali, Mohd Shehril Ishak dan Ahmad.

di antara tiga hingga lima bena nanika dan panna.

"Masalah ini dialami oleh nelayan lebih 40 tahun lalu dan ia seperti tiada kesudahan serta mendatangkan keimbangan kepada kami apabila berdepan ke-sukaran mendapatkan hasil laut."

"Kalau sebelum ini kami peroleh pendapatan lebih RM200 setiap kali ke laut, tetapi sekarang hanya dapat antara RM30 hingga RM40 sahaja."

Dia berkata demikian ketika perti kami selepas ini terutama



Aziz membabit pukatnya yang rosak sewaktu Sibat dapat ke laut.

untuk belanja, nak makan lagi dari mana kita hendak dapat hasil banyak kalau semua tempat perlindungan dan pembibitan ikan juga musnah," luahnya yang sudah 20 tahun menjadi nelayan pesisir pantai.

Ujarnya, selain itu nelayan juga mengalami kerugian puluhan ribu ringgit kerana peralatan tangkapan ikan turut musnah akibat dilanggar bot tersebut.

Nada sama disuarakan, Ahmad Salleh, 49, yang meluhkan rasa kecewa kerana pendapatan golongan nelayan seperti ini turut merudat.

Jelasnya, ada ketika nelayan pulang tanpa tangkapan sebarang hasil tangkapan selangkan nelayan bot pukat tunda mencuri hasil laut dengan rakus.

"Sekarang ini hasil kurang, jadi kami minta pihak penguat kuasa perikanan (tindakan). Sekarang kami tak tahu macam mana aktiviti ini boleh dijalankan balik di sini."

"Kami minta sangat pihak-pihak berkenaan ambil tindakan, kusihan pada nelayan di pantai ini," katanya.

nasib nelayan yang akan menyambung pekerjaan kami ini," ujarnya lagi.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, Mohd Shehril Ishak, 42, pula berkata, hidupan laut semakin pupus sejak nelayan bot pukat tunda menjalarkan aktiviti di perairan di negeri ini.

Katanya, aktiviti itu turut mengakibatkan kemusnahan ekosistem tukun ikan yang berada di sepanjang pesisir pantai.

Menurutnya, disebabkan itu, banyak benih pelbagai spesies ikan, udang dan ketam musnah akibat penggunaan peralatan berkenaan.

"Apabila tempat pembibitan ikan musnah, macam mana hidupan laut boleh membiak dan ini penyebab punca pendapatan kita semakin terjejas."

Terus terang catip kalua dulu banyak hasil boleh dapat, tapi sekarang kalua keluar (ke laut) pun tak berbaloi, nak ke laut duit mnyak RM50, tapi balik (dapat) RM20 atau RM30 sahaja. Ini belum masuk musnah lengkujuh lagi menyebabkan pendapatan kami tidak seberapa."

"Kita ini ada anak sekolah

'Our chickens are imported from Thailand'

THE only frozen chicken imported into the country currently is from Thailand, with none from Brazil, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

"(The chickens) are from Thailand and we have not gone as far as Brazil.

"As a start, only two to three containers have been brought in," he said in reply to a question by Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena) about the status of poultry imports into Malaysia in the Dewan Rakyat yesterday.

Rosol said the high price of imported chicken remained a constraint.

He noted that the Agriculture and Food Industries Ministry had so far issued 29 chicken import permits to importers and hypermarkets.

In January, the government had given approvals to 32 companies from Thailand, China and Brazil to export frozen whole chickens to Malaysia to address the chicken shortage.

Industri makanan jamin keselamatan negara

SAUDARA PENGARANG.

KONFLIK Ukraine-Rusia yang tercetus sejak 24 Februari lalu menyebabkan lonjakan harga minyak dunia. Walaupun krisis tersebut jauh dari Malaysia tetapi sedikit sebanyak memberi tempas terhadap sektor ekonomi negara ini.

Malah, kekurangan bekalan makanan seperti ayam dan telur baru-baru ini memberi kesan terhadap 32.7 juta rakyat. Tidak dapat dinafikan pertambahan jumlah penduduk serta kekurangan usahawan yang berkecimpung dalam bidang penternakan dan penanaman menjadi faktor utama masalah bekalan makanan.

Masyarakat sedia maklum, kebanyakan sumber makanan di negara ini diimport dari negara luar. Pada 2020 sahaja, dianggarkan import makanan bernilai RM55.4 bilion.

Negara-negara pengeluar makanan seperti China, India, Pakistan dan Thailand berpotensi untuk berubah geopolitik mengikut situasi semasa. Apatah lagi jika geografi negara tersebut terletak di kawasan 'panas' yang menjadi pertikaian. Sekiranya peperangan atau konflik tercetus, sudah tentu mereka tidak dapat membekalkan makanan kepada negara luar berikutan isu keselamatan iaitu bekalan makanan disimpan untuk kegunaan rakyatnya sendiri.

Kerajaan harus sedar perkara ini serta memikirkan perancangan jangka panjang untuk memastikan bekalan makanan tidak terputus ketika konflik bersenjata atau bencana alam.

Agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian harus proaktif memberikan idea serta tunjuk ajar tentang cara-cara penanaman sayur-sayuran serta buah-buahan secara lebih efektif manakala bantuan kewangan dan latihan perlu diberi kepada orang perseorangan dan syarikat yang berminat menjalankan penternakan serta penanaman.

Dalam hal ini, kerajaan perlu menjadikan sektor makanan sebagai sektor kritikal sama seperti pentingnya infrastruktur, kewangan, keselamatan, pertahanan, perdagangan dan sebagainya terhadap negara.

Hal demikian ini sudah pasti dapat mencapai objektif utama iaitu memastikan keselamatan makanan di Malaysia terpelihara daripada sebarang implikasi konflik di negara luar.

Kadangkala kita terlalu memikirkan keselamatan dan pertahanan dari aspek persenjataan semata-mata, namun kita terlupa jika tiada sesuap nasi untuk diisi ke dalam perut seorang prajurit, nescaya kita berdepan dengan kekalahan juga.

MOHAMMAD SYAHIR LUQMAN
Marang, Terengganu

Nelayan ibu tunggal mahu jadi jurumudi

SEBERANG PERAI – Faktor usia dan jantina bukan penghalang bagi seorang ibu tunggal yang bercita-cita untuk menjadi jurumudi.

Ini terbukti apabila wanita itu, Fajinah Jaafar, 60, tersenarai antara 10 nelayan dalam kumpulan pertama yang mengikuti kursus jurumudi di bawah skim Pelan Pengurusan Impak Sosial Projek Tambakan Pulau Pinang Selatan atau dikenali sebagai Pelitaku.

Lebih menarik, dia adalah satu-satunya nelayan wanita yang mengikuti kursus selama tujuh hari bermula 28 Februari lalu itu yang dikenali sebagai kursus *Mate Domestic less than 500 GT Open* di Akademi Maritim Penjana Ilmu di Taman Inderawasih, Butterworth di sini.

Menurut Fajinah yang juga ibu kepada dua anak, kursus itu menawarkan pengalaman baharu selain meningkatkan pengetahuan mengenai ilmu atau undang-undang laut.

"Bukan senang untuk dapatkan sijil ini (sebagai jurumudi) kerana yurannya yang tinggi

iaitu lebih RM1,000.

"Dengan adanya lesen jurumudi, saya boleh tambah pendapatan," katanya pada majlis penutup kursus itu semalam.

Kursus jurumudi itu ditaja sepenuhnya Penang Infrastructure Corporation (PIC).

Nelayan yang lulus dalam penilaian bertulis akan mengambil ujian lisan dan seterusnya menghadiri sesi temu duga di bawah kendalian Jabatan Laut Malaysia untuk menentukan kelayakan mereka sebelum diberikan lesen jurumudi.

Ketua Pegawai Eksekutif PIC, Datuk Seri Farizan Darus berkata, dengan memiliki lesen itu, nelayan boleh meluaskan kemahiran mereka selain bekerja di atas 'pontoon' dan kapal-kapal tertentu.

Katanya, mereka juga berpeluang menambah pendapatan atau menjadikan sijil itu sebagai alternatif untuk menjadi operator bot berkelayakan dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan kepada pekerja pembinaan serta pelancong pada masa depan.



FARIZAN (dua dari kiri) bersama Fajinah (kiri) dan sebahagian peserta kursus jurumudi di Akademi Maritim Penjana Ilmu, Butterworth, Seberang Perai semalam.

9/3/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12

Banjir: Pesawah rugi lebih RM20 juta

Oleh **ROHANA MOHD. NAWI**
utusannews@mediamulla.com.my

TUMPAT: Kira-kira 500 petani di jajahan ini mengalami kerugian melebihi RM20 juta apabila 600 hektar tanaman padi mereka musnah ditenggelami banjir luar jangka yang berlaku dua minggu lalu.

Difahamkan, setiap petani terpaksa menanggung kerugian besar kerana ada beberapa kawasan yang padinya sudah masak dan hampir dapat dituai.

Antara yang terlibat ialah kawasan sawah di Kampung Jal Besar, Kampung Jal Kecil, Kampung Ana, Kampung Cherang Melintang, Kampung Telok Jereng dan Kampung Kajang Sebidang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang petani ingin dikenali sebagai Din, 69, berkata, sawah mereka digenangi air kerana kelewatan pihak berwajib membuka kunci air di Pengkalan Nangka.

Katanya, petani terlibat sudah memaklumkan beberapa kali perkara itu bagi menyelamatkan tanaman padi mereka namun tiada tindakan dibuat.



KEADAMAN sawah padi di Kampung Telok Jereng, Tumpat, yang ditenggelami banjir sejak dua minggu lalu. - UTUSAN/ROHANA MOHD. NAWI

"Saya sendiri sudah mengeluarkan modal lebih RM30,000 untuk peringkat pertama menanam dan

kini padi saya berusia sebulan. Mana saya nak cari modal untuk menanam semula padi," katanya.

Petani dikenali sebagai Abdul-lah, 60-an, pula mengharapkan kerajaan memberi bantuan dalam

bentuk modal bagi membolehkan petani terjejas menanam semula padi masing-masing.

9/3/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12

NUR HAIRANI
ABD.
RAHMAN

SALAH satu masalah sosial utama yang melanda dunia sejak dahulu lagi adalah kemiskinan. Pada 2019, Bank Dunia melaporkan hampir 9.2 peratus atau 689 juta penduduk dunia tergolong dalam kumpulan miskin tegar. Peningkatan mendadak berlaku pada era pandemik Covid-19 di mana pada 2020 dianggarkan terdapat pertambahan antara 88 hingga 115 juta penduduk berdepan kemelut kemiskinan.

Secara umumnya, kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai individu yang memperoleh pendapatan kurang daripada AS\$1.90 (RM7.95) sehari. Jumlah yang terlalu minimum ini menyebabkan kumpulan miskin tegar tidak dapat menjalani kehidupan lebih baik terutama di kawasan bandar yang mempunyai kos sara hidup tinggi.

Kemiskinan juga mewujudkan jurang kualiti hidup antara penduduk miskin dan kaya. Keadaan ini menyukarkan lagi usaha untuk membasmi kemiskinan, sama ada di peringkat global atau lokal.

Indikator-indikator utama ini perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar nasional pada masa akan datang agar tiada keciciran berlaku dalam masyarakat. Kemiskinan berlaku di mana sahaja, sama ada di negara maju mahupun negara membangun dan mundur.

Meskipun demikian, pelaksanaan dasar-dasar berkaitan kemiskinan di beberapa negara penting untuk diberi perhatian. Pada 1990, 750 juta penduduk China hidup di bawah garis kemiskinan. Ia menyamai dua per tiga daripada jumlah keseluruhan penduduknya.

Menariknya pada 2012, berlaku penurunan mendadak apabila hanya 90 juta rakyat negara itu hidup di bawah garis kemiskinan. 2016 pula mencatatkan kira-kira 7.2 juta populasi (menyamai 0.5 peratus) dikategorikan sebagai miskin tegar. Perubahan drastik untuk tempoh kurang dari 30 tahun menarik untuk diteliti.



CHINA terus memberi fokus kepada sektor agrikultur sehingga era 1980-an bagi membantu kawasan mundur bangkit dan mengejar pembangunan lebih seimbang dengan wilayah-wilayah maju. - AFP

Belajar dengan China basmi kemiskinan

Apa formula digunakan oleh kerajaan China? Apakah faktornya? Berapa kerajaan China laburkan? Persoalan-persoalan ini penting untuk diteliti dan difahami khususnya bagi mereka yang terlibat dengan pembentukan, pengubalan dan pelaksanaan dasar berkaitan pembasmian kemiskinan.

Meneliti perkembangan dan kemajuan di China, negara tersebut menggunakan pendekatan ekonomi dan sosial. Serampang dua mata untuk memajukan sektor ekonomi sekali gus menaik taraf kehidupan sosial masyarakat menampakkan hasilnya.

Bukan sahaja berjaya membebaskan berjuta rakyatnya daripada kemelut kemiskinan, bahkan menjadikan negara Tembok Besar itu sebagai salah satu kuasa besar ekonomi dunia ketika ini sebaris Amerika Syarikat (AS), Jepun, Jerman dan United Kingdom.

Terdapat tiga strategi yang menarik untuk dikupas. Pertama, Program Pembangunan Agrikultur Nasional (1956-1967)

menjadi pemangkin asas kepada penguatan sektor agrikultur. Dasar ini secara tidak langsung memberi impak positif dalam membantu masyarakat khususnya golongan petani yang jumlahnya menjangkau satu per empat daripada keseluruhan warga China pada zaman tersebut.

China berterusan memberi fokus kepada pembangunan sektor agrikultur sehingga era 1980-an. Dasar bersifat terarah ini membantu wilayah-wilayah mundur bangkit dan mengejar pembangunan lebih seimbang dengan wilayah-wilayah maju.

SDG

Berbeza dengan beberapa negara lain terutama di rantau Asia Tenggara, kebanyakan dasar pembangunan mereka lebih menumpu kepada kawasan lebih maju berbanding mundur. Keadaan ini sekali gus mewujudkan jurang pembangunan tidak seimbang dan melebarluaskan jurang tidak sama rata dalam masyarakat.

Kedua, China dilihai

begitu komited dalam memperkukuhkan dasar perlindungan sosial nasional. Sejak era 1950-an lagi, meskipun negara tersebut dibelenggu kemunduran ekonomi, usaha-usaha membantu rakyat yang hidup dalam kemiskinan tetap diberi perhatian.

Pada ketika ini, China menyediakan pelbagai keperluan asas termasuk pendidikan khususnya kepada golongan kanak-kanak dan remaja. Pendidikan dikenal pasti sebagai antara indikator utama yang memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat berilmu sekali gus membawa diri mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

China turut mempunyai dasar yang mewajibkan rakyatnya memperoleh pendidikan. Hasilnya pada 2021, dianggarkan 10.78 juta calon menduduki peperiksaan National Higher Education Entrance. China juga komited dalam mengukuhkan sistem pendidikan nasional. Buktinya pada 2020, China membelanjakan sekitar AS\$817 bilion atau empat

peratus daripada keseluruhan pendapatan keluaran negara kasarnya untuk sektor pendidikan berbanding 2.5 peratus pada era 1990-an. Malah mereka turut merancang Pelan Pemodenan Pendidikan China menjelang 2035 yang menyasarkan pembangunan sektor pendidikan berkualiti sejajar Matlamat Pembangunan Mampuan (SDG) sasaran keempat.

Ketiga, China memberi penekanan kepada aspek tadbir urus sosial yang menumpu kepada usaha membanteras kemiskinan. Pada 2015, strategi ini tertumpu kepada pengurusan di peringkat lokal dengan menyasarkan perkampungan-perkampungan miskin.

Pasukan-pasukan yang terlibat dalam rangkaian pembasmian kemiskinan ini digerakkan di setiap lokaliti dan bekerjasama dengan masyarakat setempat. Pada 2020, terdapat 255,000 pasukan penduduk terlibat dalam rangkaian ini.

Di samping itu, lebih lima juta pegawai memantau di peringkat tempatan dan kampung. Strategi ini menunjukkan China bersedia menggeblang jentera kerajaan dalam menggerak usaha membanteras kemiskinan sehingga ke peringkat akar umbi.

Malaysia masih bergelut untuk mencapai sifar miskin tegar. Sehingga kini, matlamat tersebut masih gagal direalisasikan. Mungkin sudah tiba masanya kita belajar daripada China.

Meneliti pembentangan Bajet 2022, Malaysia turut mengambil inisiatif dalam menumpukan perhatian terhadap tiga aspek sama iaitu pembangunan kawasan luar bandar, pengukuhan dasar perlindungan sosial serta memantapkan jentera kerajaan dalam pengurusan kebajikan masyarakat. Perancangan belanjawan ini dapat mengukuhkan lagi strategi membanteras kemiskinan meskipun kita masih bergelut dengan impak pandemik Covid-19.

Laut mana tidak berombak, bumi mana tidak ditimpa hujan. Jika ada usaha, komitmen dan kerjasama daripada kerajaan dan pelbagai pihak, sudah pasti Malaysia juga mampu mencapai sifar kemiskinan suatu hari nanti.

DR. Nur Hairani Abd. Rahman ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Perniagaan & Ekonomi, Universiti Malaya.

Baja organik daripada sisa makanan

Oleh FARID AHMAD TARMUI

ISU berkaitan pembuangan sisa makanan bukanlah sesuatu yang baharu di Malaysia.

Masalah ini berlarutan sejak sekian lama dan saban hari, pasti ada pembuangan sisa makanan di tapak pelupusan sampah.

Jika sisa buangan ini tidak diurus dengan baik, ia boleh memberi kesan kepada alam sekitar.

Dalam usaha membendung masalah itu dari terus berlarutan, Swidweb Solutions yang merupakan syarikat terbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pabat, Johor mengolah sisa makanan terbuang untuk dijadikan baja organik.

Syarikat itu bekerjasama dengan SMW Environment Sdn. Bhd. dengan mengambil inisiatif untuk mengumpul sisa makanan daripada komuniti setempat dan juga restoran berhampiran untuk tujuan tersebut.

Ketua Projeknya, Prof. Madya Ir. Dr. Noor Yasmin Zahun berkata, bagi mengitar semula sisa makanan untuk dijadikan baja organik yang mesra alam, pihaknya menggunakan teknik *Black Soldier Fly Larva* (BSFL).

Menurutnya, BSFL atau dikenali sebagai lalat askar hitam adalah spesies serangga yang pada awalnya diakui sebagai sumber protein alternatif untuk makanan haiwan.

"Kajian menunjukkan, ia dapat membantu dalam proses pengurusan sisa makanan untuk menghasilkan baja organik berkualiti bagi kegunaan bercucuk tanam.

"Penggunaan BSFL untuk proses pengurusan sisa makanan dan menjadikannya baja organik adalah kaedah paling selamat dan mesra alam," jelasnya yang juga merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, UTHM.

Tambahnya, proses penghasilan baja kaedah BSFL ini sangat membantu



SETIAP sisa makanan terkumpul akan dasingkan dalam satu petak khas ataupun biopond untuk diproses menjadi baja organik.

DALAM tempoh 10 hingga 12 hari, sisa makanan akan terurai dan menjadi baja.

untuk kelestarian alam sekitar dan boleh mengurangkan pencemaran dari sisa buangan makanan.

Dalam pada itu, Dr. Noor Yasmin berkata, bagi menghasilkan baja organik, sisa makanan terkumpul diasing dalam satu petak khas (biopond).

Setiap petak khas mengandungi 100 kilogram (kg) sisa makanan.

"Kita letak BSFL seberat 2kg dalam petak itu bagi membolehkan larva lalat memakan sisa makanan.

"Dalam tempoh 10 hingga 12 hari, sisa makanan itu habis terurai dan menjadi baja. Baja organik yang terhasil itu dikenali sebagai frasa adalah najis daripada larva tersebut," jelasnya.

Tambahnya, daripada jumlah 100kg sisa makanan diproses, hanya 10kg baja organik terhasil.

Baja yang terhasil itu boleh digunakan untuk bercucuk tanam, manakala larva lalat boleh dijadikan makanan ternakan.

Selain itu, proses menghasilkan

baja organik itu tidak menyebabkan pencemaran bau kerana ia kering.

Kata Dr. Noor Yasmin, projek baja organik itu dimulakan sejak awal 2021.

Pada mulanya, sisa makanan untuk projek itu akan dikutip di kafe-kafe yang ada di UTHM.

Disebabkan pandemik Covid-19, kafe tidak lagi beroperasi kerana pelajar melakukan pembelajaran secara online di rumah.

"Bagi mengatasi masalah itu, kami bekerjasama dengan SMW Environment Sdn. Bhd. untuk dikutip

sisa makanan daripada penduduk di dua kawasan perumahan berdekatan," jelasnya.

Pada tahun lalu, 100 peserta menyertai program pengumpulan sisa dan berjaya mengumpul 15,000kg sisa makanan.

Katanya, permintaan terhadap baja organik amat baik, hingga bekalan tidak mencukupi.

"Kami tidak dapat mengeluarkan baja organik dalam jumlah banyak kerana kekurangan bekalan sisa makanan dan faktor lain.

"Bagi mengatasinya, kami sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam menghasilkan baja organik tersebut," jelasnya.



DR. NOOR YASMIN menunjukkan baja organik yang siap dibungkus.



FRASS yang merupakan hasil akhir kitar semula sisa makanan selamat digunakan ke atas tanaman sebagai baja organik kerana kandungan amonia sangat rendah.